

<http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/732882-tender-assetco-hsr-tarik-minat-6-negara.html>

15 April 2018

Tender Assetco HSR Tarik Minat 6 Negara

KUALA LUMPUR: Tender Assets Company (AssetCo) bagi projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) setakat ini menarik penyertaan daripada rakan bisnes antarabangsa iaitu China, Korea Selatan, Jepun, Eropah, Singapura dan Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MyHSR Corporation (MyHSR Corp.), Datuk Mohd. Nurlsmal Mohamed Kamal berkata, keputusan pembida yang berjaya akan diketahui pada Disember tahun ini setelah tender berkenaan ditutup pada akhir Jun ini.

Katanya, bagaimanapun pihaknya masih lagi membuka tender tersebut kepada semua syarikat atau konsortium yang berminat bagi membolehkan pihaknya membuat keputusan terbaik.

"Dari enam negara tersebut, tidak bermakna kita akan menerima enam kertas cadangan sebaliknya ia boleh dibuat secara bersama-sama atau melalui penggabungan beberapa syarikat. Buat masa ini, kita tidak mempunyai jumlah kertas cadangan yang diterima bagi tender Assetco.

"Tetapi kami berharap dan menggalakkan pembida yang berminat supaya terus mengumumkan bidaan mereka bagi memastikan kami mendapat nilai terbaik daripada sistem tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas Persidangan Rangkaian Bekalan Projek Reldan Ekspo Kerjaya 2018 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslandan; Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud.

Pada 20 Disember lalu, MyHSR Corp. dan SG HSR Private Ltd. (SG HSR) mengumumkan akan memulakan bidaan bagi tender AssetCo yang akan bertanggungjawab untuk merekabentuk, membina, membiayai dan menyelenggarakan projek berkenaan.

Minggu lalu, konsortium Malaysian Resources Corporation Berhad-Gamuda Berhad (MRCB-Gamuda) dan Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd.-TH Properties Sdn. Bhd. (YTL-THP) memperoleh tender sebagai Rakan Kongsi Penyampaian Projek (PDP) bagi kerja-kerja awam untuk projek tersebut.

Mohd. Nurlsmal berkata, Malaysia perlumembayar pampasan dalam jumlah yang besar sekiranya mengambil keputusan untuk membatalkan nota umenangguhan projek HSR setelah menandatangan perjanjian dengan Singapura.

Katanya, ini keranamenerusiperjanjianberkenaan (legal binding) kedua-duanegaralahmenyatakan komitmen untuk membangunkan projek tersebut secara bersama yang akan membawa banyak manfaat kepada kedua-dua buah negara.

"Jika kita buat keputusan teruskan atau tangguh, akibat yang ditanggung amat besar dengan Malaysia perlumembayar pampasan kepada pihak terlibat dan pastinya situasi ini tidak akan memanfaatkan kansen siapapun," katanya.

Beliau berkata, pada peringkata awal struktur projek tersebut, ia tidak melalui sebarang dana oleh kerajaan sebaliknya akan dibayai oleh pembida yang berjaya menerusikan kerjasama awam-swasta (PPP).

Dalam padaitu, pada majlis berkenaan, MyHSR Corp menandatangan i perjanjian persefahaman dengan lapan universiti bagi membangunkan Akademi MyHSR di sana musahamah lahir kantena gakerja berkehilangan untuk memenuhi keperluan projek HSR.

Universiti terlibat ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Selain itu akademik tersebut mendapat kerjasama dengan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) termasuk Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

- *Utusan Online*